

16/03/2000

Pak Lah nafi wujud `sistem barter`

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyangkal wujudnya `sistem barter` di kalangan menteri besar dan ketua menteri dalam menentukan pencalonan menjelang pemilihan Umno Mei ini.

"Saya tak nampak "barter", tak nampak "trade" pun," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas timbalan presiden itu, berkata, bukan mudah membuktikan wujud kaedah saling mencalon antara satu sama lain di kalangan menteri besar dan ketua menteri itu.

Bagaimanapun, katanya terpulang kepada individu untuk membuat andaian sama ada wujud sistem barter itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, pihaknya belum menerima aduan daripada mana-mana pihak, terhadap kewujudan aliran itu dalam pencalonan pada peringkat bahagian sekarang.

"Kita tak boleh bertindak berdasarkan khabar angin...spekulatif semata-mata," katanya.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendakwa wujud sistem barter di kalangan menteri besar dan ketua menteri dalam menentukan pencalonan jawatan naib presiden.

Empat menteri besar dan ketua menteri iaitu Datuk Abdul Ghani Othman (Johor), Datuk Seri Abu Hassan Omar (Selangor), Tan Sri Mohd Isa Samad (Negeri Sembilan) dan Datuk Seri Osu Sukam (Sabah) adalah antara calon Naib Presiden yang masing-masing sehingga kini menerima 28, 16, sembilan dan 12 pencalonan.

Mengenai saranan supaya syarat mendapatkan peratusan pencalonan tertentu untuk bertanding pelbagai jawatan dalam Umno dikaji semula, Abdullah berkata, prosedur itu perlu dipatuhi buat masa sekarang.

Katanya, sebarang cadangan hendaklah dikemukakan selepas mesyuarat peringkat bahagian dan perhimpunan agung Umno nanti.

Mesyuarat jawatankuasa itu juga membincangkan persediaan Umno menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang pada 1 April ini.

Abdullah berharap pengundi akan keluar beramai-ramai bagi memastikan kemenangan calon Barisan Nasional (BN).

Dalam perkembangan lain, Abdullah menyambut baik kenyataan Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli bahawa ahli perniagaan yang tidak serius tidak perlu menyertai rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke luar negara.

"Ini adalah penting dan tentu sekali kita mahu memastikan pada masa akan datang, mereka ini serius dan akan mengikuti segala program yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, senarai rombongan itu ditetapkan Jabatan Perdana Menteri selain melalui dewan perniagaan masing-masing.